



### **TUGASAN FEM 3313**

**KEGIATAN SOSIOEKONOMI GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA DI PUSAT  
LATIHAN PERINDUSTRIAN & PEMULIHAN BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN**

**NAMA PENSYARAH : PROF. MADYA DR. SARJIT SINGH A/L DARSHAN SINGH .**

<b>NO</b>	<b>NAMA PELAJAR</b>	<b>NO MATRIK</b>
<b>1.</b>	<b>PUTERI NUR FARAHIN BINTI LATIF</b>	<b>193704</b>
<b>2.</b>	<b>NUR SYAZWIN BINTI YUSOFF</b>	<b>193702</b>
<b>3.</b>	<b>SYAFIQAH BINTI SABAR</b>	<b>194803</b>
<b>4.</b>	<b>NURSYAMIMI ATIQAH BINTI AB BASA</b>	<b>192836</b>
<b>5.</b>	<b>NURHAZLIA IZZANI BINTI KHALID</b>	<b>194789</b>

## ISI KANDUNGAN

NO.	TAJUK	MUKA	SURAT
1.0	PENGENALAN		
2.0	PERNYATAAN MASALAH		
3.0	PERSOALAN KAJIAN		
4.0	OBJEKTIF KAJIAN		
5.0	SKOP KAJIAN		
6.0	METODOLOGI		
	6.1 PENDEKATAN KAJIAN		
	6.2 KAEDAH KAJIAN		
	6.3 LOKASI KAJIAN		
	6.4 PERSAMPELAN		
	6.5 BATASAN KAJIAN		
7.0	TINJAUAN LITERATURE		

<b>8.0</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	
	<b>8.1 DAPATAN KAJIAN MELALUI TEMU BUAL</b>	
<b>9.0</b>	<b>PENUTUP &amp; SARANAN</b>	
<b>10.0</b>	<b>RUJUKAN</b>	
<b>11.0</b>	<b>LAMPIRAN</b>	

## 1.0 PENGENALAN

Walaupun, nasib golongan OKU ini seakan terbela namun masih ada segelintir yang tertinggal khususnya dalam kegiatan sosioekonomi. Di Malaysia, hak-hak golongan OKU dimartabatkan dalam peruntukan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang mentakrifkan OKU sebagai 'mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat'. Bagi tujuan pendaftaran OKU pula, Jabatan Kebajikan Masyarakat menyenaraikan tujuh kategori OKU: i) pendengaran, ii) penglihatan, iii) pertuturan, iv) fizikal, v) pembelajaran, vi) mental, dan (vii) pelbagai. Bahagian IV Akta 685 memaktubkan peruntukan perihal 'Penggalakan dan Pembangunan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Orang Kurang Upaya' yang antara lain menyebut tentang hak-hak OKU ke atas kemudahan khas di tempat-tempat awam, hak pendidikan, pekerjaan dan maklumat.

Kajian Ilona (2010) mendapati tiga cabaran utama dalam mengintegrasikan pekerja OKU dalam organisasi ialah bagaimana untuk menarik minat OKU untuk supaya cenderung bekerja, bagaimana hendak menyediakan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan bagaimana hubungan interpersonal di antara pihak majikan dan pekerja OKU itu perlu berlaku kerana halangan-halangan yang pelbagai. Bagi OKU yang cuba menempatkan diri dalam pasaran buruh, diskriminasi dan eksploitasi

merupakan dua cabaran utama yang dihadapi oleh pekerja OKU dalam organisasi (Ta & Leng, 2013).

## **2.0 PERNYATAAN MASALAH**

Sekian lama daripada dahulu sehingga kini, golongan minoriti dalam kelompok individu yang kurang upaya acap kali menjadi kelompok yang teraniaya dan di sisihkan oleh masyarakat. Di dalam permasalahan ini, isu masalah sosial dan stigma menjadi asbab yang penting dalam mengehendkan peluang kelompok ini untuk melibatkan diri secara total di dalam aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi yang dianjurkan oleh masyarakat sekeliling. Malahan, kelompok ini turut mendapat layanan sebegitu daripada ahli keluarga sendiri yang juga menjadi kayu penghalang kepada pembangunan diri mereka. Permasalahan ekonomi dalam kelompok minoriti ini seharusnya menjadi isu yang penting untuk dibangkitkan..

Kelompok minoriti ini terus dihimpit dengan rasa di sisihkan bilamana mereka ini kebanyakannya menghadapi masalah seperti kekurangan fasiliti di tempat-tempat awam mahupun ruangan kerja. Selain itu, kelompok minoriti ini juga sering di pinggirkan kerana kurangnya keprihatinan masyarakat terhadap hak-hak keadilan yang sepatutnya diterima oleh kelompok ini.

### **3.0 PERSOALAN KAJIAN**

- 3.1 Apakah tanggapan dan pandangan masyarakat terhadap golongan kurang upaya untuk menceburi bidang pekerjaan?
- 3.2 Berapa banyakkah peluang pekerjaan yang tersedia dan ditawarkan untuk golongan kurang upaya?
- 3.3 Berapa banyakkah fasiliti yang tersedia dan terdapat untuk golongan kurang upaya di sekitar bangi?
- 3.4 Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan kurang upaya ini dalam menceburi bidang pekerjaan?

#### **4.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

3.1 Mengenal pasti penerimaan masyarakat terhadap orang kurang upaya dalam menceburi bidang pekerjaan

3.2 Mengenal pasti peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada golongan orang kurang upaya di kawasan sekitar bangi.

3.3 Memahami kemudahan yang terdapat di tempat awam-awam untuk golongan orang kurang upaya di sekitar bangi.

3.4 Mengetahui cabaran – cabaran yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya semasa mencari pekerjaan.

#### **5.0 SKOP KAJIAN**

Dalam kajian ini, kesamarataan hak yang dikaji lebih ditumpukan kepada hak golongan orang kurang upaya dalam mendapatkan kemudahan awam dan aksesibiliti, serta mendapatkan peluang kesaksamaan dalam pekerjaan. Selain itu, kajian ini dilakukan juga untuk mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya semasa mencari pekerjaan selain daripada kekurangan dari segi fizikal. Seterusnya, kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui bantuan-bantuan yang diterima oleh golongan orang

kurang upaya sama ada bantuan dari badan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan dari segi bantuan wang ringgit, dan pertolongan untuk mendapatkan pekerjaan.

## **6.0 METODOLOGI**

### **6.1 Pendekatan Kajian**

Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui teknik temubual dan rakaman.

Kaedah temubual ini melibatkan 5 orang responden yang telah bekerja.

### **6.2 Kaedah – Kajian Kes**

#### **6.2.2. Temu Bual**

Kaedah ini digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat tambahan yang perlu bagi tujuan kajian ini. Temu bual diadakan dengan beberapa responden terpilih yang sedang bekerja di PLPP. Mereka terdiri daripada lima orang sampel. Temubual dijalankan bagi mendapatkan maklumat tentang diri mereka dan soalan yang berkaitan dengan kegiatan sosioekonomi. Soalan-soalan temubual difokuskan pada aspek-aspek berikut:



i) Penerimaan masyarakat terhadap golongan OKU semasa bekerja ii)

Cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU semasa mencari pekerjaan iii)

Peluang pekerjaan yang ditawarkan di PLPP bangi.

iv) Kemudahan dan kebajikan yang diterima oleh golongan OKU

Berdasarkan aspek-aspek di atas pengkaji telah mengemukakan soalansoalannya semasa menemu bual responden untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi melicinkan proses pengumpulan data.

### **6.2.3 Rakaman**

Perbualan bersama pekerja golongan OKU dirakamkan dengan menggunakan alat perakaman. Golongan tersebut telah diberitahu tentang objektif kajian ini dan persetujuan mereka telah diperoleh untuk menjadi responden kajian. Rakaman ini dibuat sebagai satu cara untuk mendengar semula jawapan dari responden dengan lebih jelas.

## **6.3 Lokasi Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di kawasan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) di Bangi pada hari Jumaat, 27 April 2018 Jam 1000. Tujuan lokasi ini dipilih adalah untuk mengkaji tentang kegiatan sosioekonomi golongan

orang kurang upaya yang bekerja di situ. Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) merupakan sebuah institusi dibawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Ianya terletak di Jalan Sungai Merab Luar, Bangi meliputi kawasan seluas 9.878 Hektar. PLPP menyediakan latihan kemahiran bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU)

#### **6.4 Persampelan**

Kumpulan sasaran kami adalah golongan orang kurang upaya yang bekerja di pusat tersebut. Seramai 5 orang responden yang mana terdiri daripada 2 lelaki dan 3 perempuan. Melalui pensampelan sebegini, responden yang dipilih merupakan responden terbaik yang dapat memberikan sumber maklumat yang maksimum bagi membantu memahami fenomena yang dikaji. Pengkaji menggunakan 5 orang pekerja orang kurang upaya dan secara sukarela bersedia untuk menjadi responden kajian.

#### **6.5 Batasan Kajian**

Sepanjang kajian ini berlangsung, terdapat beberapa limitasi yang dihadapi kerana memerlukan kami menunggu kebenaran dan keizinan pihak atasan, Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membenarkan kami membuat kajian di tempat ini. Selain itu, kami juga tidak mampu untuk mengkaji golongan orang kurang upaya secara menyeluruh kerana skop dan ruang kajian yang terhad dan kami juga akui bukan semua masalah boleh dikaji dan dapat diselesaikan dalam satu kajian sahaja. Maka dalam kajian kami ini kami telah memilih kepada skop

yang lebih kecil iaitu kami memilih untuk melakukan kajian kegiatan sosioekonomi golongan orang kurang upaya di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP)

## **7.0 TINJAUAN LITERATURE**

Satu artikel daripada Peter Voo & Ferlis Bin Bullare@Bahari, yang bertajuk “Cabaran Pekerjaan dan Kesan Kepada Kesejahteraan Hidup OKU Penglihatan Yang Berkeluarga di Sabah” Kajian kualitatif ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh OKU penglihatan dalam mendapatkan peluang pekerjaan untuk menyara hidup keluarga mereka. Kesulitan dan halangan yang dihadapi semasa di alam pekerjaan ini boleh memberi kesan kepada kesejahteraan hidup OKU penglihatan terutama mereka yang berkeluarga. Dalam kajian ini seramai 5 orang responden dipilih secara persampelan bertujuan. Mereka terdiri daripada OKU penglihatan yang sudah berkeluarga serta baru memulakan pekerjaan dan sudi untuk ditemubual secara sukarela dalam kajian ini. Hasil kajian yang diperolehi memaparkan keadaan yang boleh mempengaruhi peluang kerja OKU penglihatan dan kesan ke atas kesejahteraan hidup mereka. Antara aspek cabaran yang dihadapi OKU penglihatan adalah mereka berkeluarga dan mempunyai tanggungan, cabaran pengangkutan, kemudahan tempat tinggal dan cabaran sikap prejudis terhadap mereka. Kajian ini sangat berkait dengan yang kami lakukan iaitu cabaran golongan orang kurang upaya untuk mendapatkan pekerjaan.

## 8.0 ANALISIS DATA

BIL	NAMA	UMUR	JANTINA	TARAF PENDID IKAN	PEKERJAA N	STATU S	GAJI	TEMPOH BEKERJA	JENIS BANTUA N
1.	Mohd Radzi Irfan Bin Andy Imran	26	Lelaki	UPSR	Prowell Kontrak	Bujang	RM 800 (Sebulan)	1 Tahun Lebih	EPC
2.	Md. Asmadi Bin Karno	48	Lelaki	STPM	Pegawai Khidmat Pelanggan	Berkah win	RM 2,000 (Sebulan)	3 Tahun	Tiada
3.	Fariyah Binti Mohd Musuh	23	Perempuan	SKM	Tenaga Pengajar Pentadbiran Pejabat	Bujang	RM 54 (Sehari)	2 Tahun	EPC
4.	Nur Syafiqah Binti Abdul Hamid	27	Perempuan	SKM	Tenaga Pengajar Pengurusan Pejabat	Bujang	RM 54 (Sehari)	1 Tahun	EPC
5.	Norasdayanti Binti Ahmad	35	Perempuan	PMR	Membuat Produk Songket	Bujang	RM 500 (Sebulan)	1 Tahun	EPC

Rajah 1 : Malumat responden

Ini merupakan data-data 5 responden yang ditemu bual berdasarkan objektif kajian. Responden kami ini mempunyai banyak perbezaan tetapi ada juga persamaan di antara mereka. Persamaan tersebut adalah mereka ini telah disediakan tempat tinggal, makanan dan elaun. Selepas mereka ini tamat belajar di situ, mereka terus diserapkan ke pusat ini sebagai tenaga pengajar untuk mengajar pelajar-pelajar baharu.

Mereka ini telah diberikan Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM 400 sebulan seorang. Elaun itu bertujuan menggalakkan OKU bekerja, hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif. Selain itu, ia juga bertujuan membantu menampung keperluan hidup seharian dan meningkatkan taraf hidup OKU dalam masyarakat. Mereka ini juga telah disediakan tempat tinggal yang hanya berdekatan pusat latihan ini. Jadi mereka tidak memerlukan kenderaan untuk ke tempat kerja. Hanya mengambil masa selama 10 minit sahaja.

## **8.1 DAPATAN KAJIAN MELALUI TEMU BUAL**

Melalui temu bual kami, terdapat beberapa jawapan serta cadangan yang diberikan terhadap sosioekonomi golongan orang kurang upaya (OKU)

### **8.1.1 Penerimaan masyarakat terhadap OKU dalam menceburi bidang pekerjaan.**

- a) Pergaulan mereka bersama rakan sekerja

Mereka sebulat suara mengatakan mereka sangat baik dengan rakan sekerja yang lain malah saling membantu antara satu sama lain sepanjang mereka bekerja. Dapatan kajian menunjukkan mereka tiada masalah dengan rakan sekerja yang mana rata-ratanya merupakan golongan kurang upaya juga. Namun, terdapat juga golongan normal yang bekerja bersama mereka yang saling membantu bagi melancarkan pekerjaan mereka sebagai tenaga pekerja, tukang jahit dan sebagainya

*Pergaulan saya bersama rakan sekerja sangat baik dan kami saling membantu. ( R1)*

*Baik. Kerana rakan sekerja sentiasa memberi bantuan dan sokongan. (R2)*

b) Penerimaan masyarakat sekeliling apabila bekerja

Secara umumnya melalui temu bual mereka berpendapat penerimaan masyarakat sekeliling seperti ibu bapa dan jiran tetangga adalah berasa kagum serta menghormati golongan OKU seperti mereka kerana mampu bekerja walaupun mempunyai kekurangan diri. Namun, terdapat juga sesetengah masyarakat yang berpandangan serong terhadap kemampuan diri mereka.

*“Mereka tak kata apa-apa pun. Kadang-kadang ada masyarakat luar yang tengok kita lain macam tapi kita buat tak tahu je lah. (R3)*

Tetapi, Perkara seperti itu tidaklah menghalang mereka untuk mencari pekerjaan dan menimba pengalaman seperti golongan normal yang lain.

### **8.1.2 Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh golongan orang kurang upaya semasa mencari pekerjaan.**

a) Faktor yang menjadi cabaran utama selain keupayaan diri bagi golongan OKU meminta dan mencari pekerjaan

Setiap responden berpendapat terdapat berbeza-beza cabaran. Mengikut suara majoriti menyatakan cabaran utama adalah penerimaan pihak majikan terhadap kemampuan mereka. Selain itu, jawapan lain mereka adalah perkara utama yang akan dilihat mereka adalah fasiliti ditempat kerja seperti mempunyai lif dan mempunyai tandas khas untuk golongan mereka. Seterusnya, mereka mengatakan kebanyakan golongan seperti mereka akan mempunyai keyakinan diri yang lemah untuk memohon sebaran.

*“Faktor fasiliti di tempat kerja yang paling menjadi cabaran kami bila mencari pekerjaan. Untuk pastikan kami selesa dan orang sekeliling juga selesa dengan ketidakupayaan kami. Selepas itu, pandangan pihak majikan terhadap kemampuan dan keupayaan kami pun menjadi cabarang pekerjaan. (R4)”*

### **8.1.3 Peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada golongan orang kurang upaya di sekitar PLPP OKU, Bangi.**

a) Mengenalpasti setiap pekerjaan yang ditawarkan kepada orang kurang upaya mampu menarik minat mereka untuk bekerja

Setiap peluang pekerjaan yang ditawarkan kepada golongan ini majoriti menyatakan tidak semua peluang pekerjaan mampu menarik minat kerana mereka melihatkan ketidakupayaan diri. Namun, terdapat responden juga berpendapat mereka berusaha keras terhadap mencari kerja walaupun mempunyai limitasi keupayaan. Disebabkan mereka merupakan pelajar di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, mereka mempunyai sokongan PLPP, namun dari sudut golongan OKU yang bukan pelajar disini, mereka berpendapat mungkin agak sukar untuk mereka mencari pekerjaan dengan kekurangan diri yang ada.



#### **8.1.4 Memahami kemudahan serta kebajikan yang terdapat ditempat kerja untuk golongan kurang upaya yang bekerja.**

- a) Cadangan penambakan kebajikan yang perlu diberikan daripada pihak majikan.

Responden berpendapat kebajikan yang paling utama adalah kebajikan dari segi kesihatan. Kebajikan selain itu adalah penyediaan tandas serta lif sudah mencukupi bagi golongan tersebut kerana mereka merasakan mereka masih mampu berdikari seperti golongan normal yang lain dan tidak merasakan itu boleh menjadi penghalang mereka bekerja dengan baik. Pihak majikan PLPP juga menyediakan makan minum malah tempat tinggal dengan baik sekali.

*“Sangat menjaga. Dari segi jaminannya, fasiliti yang cukup dan kos kesihatan yang ditampung oleh majikan sendiri.- (R1)*

\

## 9.0 PENUTUP & SARANAN

Berdasarkan kajian yang telah kami lakukan iaitu kegiatan sosioekonomi golongan orang upaya di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) kami telah mempelajari pelbagai perkara antaranya cara untuk mendapatkan responden di sana iaitu kami perlu berhubung dengan pihak atasan untuk mengizinkan kami melakukan sesi temu bual bersama golongan kurang upaya di sana, ia merupakan satu cabaran kerana kami baru pertama kali buat kami. Tetapi, keseluruhannya kami mempelajari sesuatu yang baharu. Seterusnya, bagi kajian ini kami telah mendapati bahawa kerajaan banyak membantu golongan ini dari segi wang ringgit, juga bentuk kesihatan dan sebagainya. Tetapi, kebanyakan respon yang kami dapat berdasarkan analisis data bahawa tidak semua golongan oku ini dibantu kerajaan untuk mendapatkan kerja, maka mereka masih berada dalam keadaan yang sukar untuk mendapatkan kerja. Walaubagaimanapun, kami percaya masih ada kekurangan yang perlu diperbaiki untuk golongan ini tidak berasa rendah diri atau dipermudahkan untuk melakukan urusan harian mereka termasuk sekali untuk mendapatkan rezeki. Saranan kami terhadap kajian kami lakukan ini adalah kami berharap semua pihak berganding bahu, tidak kiralah dari pihak kerajaan, masyarakat dan keluarga teru memberi bantuan dan sokongan kepada golongan minoriti ini iaitu golongan orang kurang upaya supaya mereka mendapat kehidupan yang lebih selesa.

## 10.0 RUJUKAN

Azlinariah, A. (2007). "Tukar pandangan pada OKU." Atas talian: [www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1203&pub=Utusan](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1203&pub=Utusan), ( 12 Januari 2009).

Jabatan Kebajikan Masyarakat, (2008). "Bantulah dan Hormatilah OKU." Atas talian:[http://realitioku.blogspot.com/2008/01/bantulah hormatilahoku.html](http://realitioku.blogspot.com/2008/01/bantulah_hormatilahoku.html) (1 Januari 2009).

Omar, M. H. (2008). "Kurang fikir terhadap kurang upaya." Atas talian: [http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1224&pub=utusan malaysia&sec=rencana&pg=re\\_09.htm&arc=hive](http://utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1224&pub=utusan_malaysia&sec=rencana&pg=re_09.htm&arc=hive). Utusan, (11 Januari 2009)

Hasnah Mahasan. 1997. Sambutan Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya Satu Persepsi Mereka Sendiri di Pusat Pemulihan

Samarahan. Disertasi Sarjana Muda Sains Sosial, Pengurusan Khidmat Sosial, Universiti Malaysia, Sarawak .

## 11. 0 LAMPIRAN



Gambar 1 : Bersama pekerja di bidang jahitan



Gambar 2 : Bersama pekerja di kaunter utama



Gambar 3 : Bersama tenaga pengajar PLPP



Gambar 4 : Bersama tenaga pengajar PLPP



Gambar 5 : Bersama pekerja Prowell Kontrak



Gambar 6 : Kami berada di hadapan PLPP, Bangi

## TRANSKRIP

### RESPONDEN 1

Hazel	Assalamualaikum encik. Apa khabar?
En. Asmadi	Wa'alaikumussalam. Sihat.
Hazel	Okay encik. Begini. Saya pelajar UPM yang bernama Nurhazlia Izzani Binti Khalid ingin menemubual encik untuk menjalankan kajian iaitu Kegiatan Sosioekonomi Orang Kurang Upaya di PLPP ini. Saya meminta izin untuk mengambil video dan gambar sepanjang temu bual ini dan saya tidak akan publish ke mana-mana media.
En. Asmadi	Okay baik. Jadi apa soalnya?
Hazel	Soalan pertama dari saya ialah iaitu bagaimana encik bergaul
	dengan rakan-rakan encik?
En. Asmadi	Bergaul seperti biasa tetapi ada topik yang tak dapat saya ikuti kerana disebabkan pergerakan saya yang terhad.
Hazel	Oh, jadi bagaimana orang menerima encik bekerja?
En. Asmadi	Mereka ingin mengambil saya bekerja agak susah kerana saya ni OKU. Disebabkan itu mereka juga inginkan pengalaman dan praktikal supaya kerja yang mereka berikan itu mudah diikuti.
Hazel	Seterusnya, cabaran apa yang dihadapi oleh encik dalam mendapatkan pekerjaan ini?
En. Asmadi	Eh, cabaran itu banyak. Saya minta banyak pekerjaan. Tetapi orang seperti saya ini memerlukan orang untuk menjadi tulang belakang saya untuk menyokong dan memberi semangat kepada saya agar mendapat pekerjaan. Disebabkan saya mempunyai kelulusan, saya lulus mendapatkan pekerjaan ini.
Hazel	Semasa mendapatkan pekerjaan di sini, ada tak mana-mana agensi yang membantu encik?
En. Asmadi	Tiada, tetapi disebabkan dia tengok saya boleh buat pekerjaan ini maka mereka memberikan saya bekerja disini.

Hazel	Seterusnya, encik berminat bekerja disini?
En. Asmadi	Sangat berminatlah. Sebab sesuai dengan saya yang pergerakannya agak terhad.
Hazel	Okay. Pada pandangan encik, adakah majikan disini dapat menjaga kebajikan pekerja disini?
En. Asmadi	Sangat menjaga. Dari segi jaminannya, fasiliti yang cukup dan kos kesihatan yang ditampung oleh majikan sendiri.
Hazel	Jadi, apa cadangan encik untuk menambah baik kemudahan yang ada di PLPP Bangi ini? Seperti responden tadi, mereka berkata lif di hostel perlu dibaik pulih lagi kerana selalu rosak.
En. Asmadi	Bagi saya, saya memerlukan orang yang boleh membawa saya kemana sahaja saya ingin pergi terutamanya berkaitan pekerjaan. Hal ini kerana ingin memudahkan pergerakan saya yang terhad inilah.
Hazel	Saya faham. Emm, sampai disini sahaja soalan saya kepada encik. Maaf kerana mengganggu dan terima kasih kerana memberi kerjasama untuk sesi temu bual ini. Semoga encik
	dirahmati Allah selalu.
En. Asmadi	Sama-sama. Tiada masalah. Inshaa Allah. Hati-hati memandu pulang ke UPM ye.
Hazel	Baik encik. Saya pulang dulu ya. Assalamualaikum
En. Asmadi	Wa'alaikumussalam.

## RESPONDEN 2

FARAHIN	Assalamualaikum akak, sihat? Apa khabar?
KAK YANTI	Waalaikumussalam. Sihat.



FARAHIN	Okay akak sebelum kita mulakan kan sesi temu bual ini, saya nak memperkenalkan diri saya dahulu saya Puteri Nur Farahin pelajar Universiti Putra Malaysia, dan sekarang ini saya sedang menjalankan kajian iaitu Kegiatan sosioekonomi Orang Kurang Upaya di PLPP nilah. Tujuan untuk saya jalankan kajian inisebagai tugas berkumpulan untuk subjek sosiologi dan antropologi. Dan setiap gambar dan video yang di ambil sepanjang temu bual ini kami takkan publish kat media ini sebagai lampiran untuk kajian kami.
KAK YANTI	Okay, Baiklah.
FARAHIN	Okay kak, saya akan mulakan sesi soal jawab saya dengan soalan yang pertama iaitu saya nak tahu bagaimana layanan rakan sekerja dengan akak. Lebih jelas lagi saya nak tahu macam mana pergaulan akak dengan rakan sekerja boleh akak kongsi?
KAK YANTI	Emmm.... Bagi akak pergaulan yang lain iaitu rakan sekerja dengan akak. Alhamdulillah semuanya baik lah.
FARAHIN	Baik macam mana tuh ye? Mereka ada membantu akak semasa akak meminta pertolongan? Dan kat sini akak bekerja dengan pelbagai golongan atau semuanya golongan oku?

KAK YANTI	Haah... mereka ada je membantu ketika akak perlukan bantuan dan kami saling tolong menolong. Membantu untuk angkat meja, angkat barang dan sebagainya lah. Dan kat sini kami bukan bekerja dengan pekerja oku sahaja ada jugak golongan yang sempurna yang lain tetapi setakat ini layanan mereka semua baik
FARAHIN	Oh begitu.. oh okay. Untuk soalan kedua kak saya nak tahu bagaiman penerimaan masyarakat sekeliling apabila akak berkerja? Boleh akak kongsi kak?
KAK YANTI	Oh itu.. masa dulu-dulu adalah macam susah jugak masyarakat sekeliling nak terima macam kita nak masuk atau biasakan dengan persekitaran yang baru agak susah. Tapi akak dah bekerja kat sini hampir setahun dan rasanya benda tuh dah tak adalah semua boleh menerima akak untuk bekerja kat sini. Dan akak pun dah selesa bekerja kat sini.
FARAHIN	Oh macam tuh, tapi akak memang seronok lah bekerja kat sini?  Dengan gaji yang diberi?
KAK YANTI	Emmm... boleh lah okaylah sebab kat sini pun akak duduk asrama je dan asrama tuh memang percuma tak perlu bayaran. Dan akak pun menerima bantuan Alhamdulillah lah asalkan akak ada pendapatan sendiri.

FARAHIN	Ohhhh...Alhamdulillah Okay seterusnya saya nak jugak lah tahu pada pandangan akak sendiri kan apa penyebab dan faktor yang menjadi cabaran utama untuk akak sendiri untuk cari pekerjaan selain kekurangan dari segi fizikal
KAK YANTI	Erm... banyak sebenarnya cabaran tuh hahaha
FARAHIN	Okay boleh akak kongsikan cabaran tuh?
KAK YANTI	Okay ini pendapat akak lah, kalau bekerja selain dari kat sini akak rasa cabaran sebagai seorang oku ini selain dari kekurangan dari segi fizikal adalah kami ni mungkin akan sukar dipercayai oleh majikan macam mesti dorang akan tertanya saya ni mampu ke buat kerja benda ni semua kan? Lepastuh cabarannya pengangkutan bagi akak memang susah lagi susah bagi oku yang kene pakai kereta roda tuh lah sebab kalau nak naik teksi belum tentu dorang nak kan?
FARAHIN	Oh faham yelahkan kalau nak naik transport pun apa pendapat akak pulak
KAK YANTI	Erm... susah jugak sebab kami kene bersaing kan kadang tuh ada org nak bagi tempat duduk ada yang buat tak tahu je
FARAHIN	Okay seterusnya saya nak tahu apa cabaran-cabaran akak yang akak lalui semasa nak dapt pekerjaan

KAK YANTI	Sebab akak ditawarkan pekerjaan kat PLPP ini cabaran tuh tak da lah banyak sangat bagi kak okay je alhamdulillah
FARAHIN	Oh yeke? Okay seterusnya saya nak tahu lah semasa akak cari
	pekerjaan dahulu ada tak agensi atau bantuan dari ngo atau kerajaan untuk membantu akan cari pekerjaan
KAK YANTI	Takde lah pulak, semuanya atas bantuan sendiri je. Akak cari sendiri lah pekerjaan ni.
FARAHIN	Ohhh begitu.... Okay kak saya nak tahu berdasarkan pendapat akak sendiri lahan adakah pekerjaan yang ditawarkan kat sini sebenarnya menarik minat oku itu sendiri atau tak?
KAK YANTI	Tak semualah sesetengah je pekerjaan kat sini yang menarik minat. Yelah saya sebagai seorang oku pun faham yang bila kami bekerja memang aka lain dengan individu yang sempurna lain dan kadangkala pekerjaan yang ditawarkan itu susah bagi kami untuk terima sebab tidak sesuai.
FARAHIN	Ohhh faham-faham. Okay kak boleh berikan pandangan tentang bagaimana majikan kat sini menjaga kebajikan seperti kesihatan, bantuan kewangan terhdapa golongan oku
KAK YANTI	Kat sini akak dan kawan-kawan lain terima je bantuan dari kerajaan lah sebab PLPP ni dibawah kerajaan kan, jadi setakat dari untuk bantuan kesihatan semua tuh, dibekalkan kerusi roda tuh adalah jugak kami dapat. Selain itu, elaun setiap bulan lah

FARAHIN	Berapa eh akak dapat elaun tuh sebulan?
KAK YANTI	Oh RM 400 sebulan....
FARAHIN	Okay seterusnya akak saya nak tanya ada tak cadangan akak untuk menambahbaikkan kemudahan golongan oku ?
KAK YANTI	Buat setakat ini tak adalah. Semuanya okay je kemudahan kat sini.
FARAHIN	Okay kak saya nak ucapkan terima kasih kerana sudi meluangkan masa bersama untuk ditemu bual. Semoga terus Berjaya ye.
KAK YANTI	Okay terima kasih. InsyaAllah

### RESPONDEN 3

Syafiqah	Assalamualaikum, kak. Saya Syafiqah pelajar UPM. Maaf ya ambil masa akak.
Nur Syafiqah	Walaikumusalam. Eh sama nama kita. Okey boleh saja.
Syafiqah	Saya akan bertanya pada akak untuk beberapa soalan tentang pekerjaan akak. Pertama, boleh saya tahu, bagaimana pergaulan akka bersama rakan sekerja?

Nur Syafiqah	Alhamdulillah, kami sangat baik. Kami saling membantu antara satu sama lain.
Syafiqah	Baik, saling bantu membantu. Seterusnya, bagaimana penerimaan masyarakat sekeliling, keluarga akak, jiran-jiran akak apabila akak bekerja sekarang?
Nur Syafiqah	Kalau jiran akak, keluarga akak semuanya lebih menghormati akak sebab akak yang OKU mampu bekerja seperti orang lain.
Syafiqah	Oh, faham. Jadi, pandangan akak kan apa faktor yang menjadi cabaran utama selain keupayaan diri untuk meminta dan
	mencari pekerjaan?
Nur Syafiqah	Faktor fasiliti di tempat kerja yang paling menjadi cabaran kami bila mencari pekerjaan. Untuk pastikan kami selesa dan orang sekeliling juga selesa dengan ketidakupayaan kami. Selepas itu, pandangan pihak majikan terhadap kemampuan dan keupayaan kami pun menjadi cabaran.
Syafiqah	Maksudnya golongan orang kurang upaya akan lihat dulu fasiliti di tempat kerja untuk pastikan sama ada sesuai atau tidak ya kak?
Nur Syafiqah	Ya, betul. Fasiliti macam tandas dan lif untuk turun naik kami. Lagi-lagi yang naik kerusi roda. Kalau akak, boleh lagi jalan, tapi tak larat saja tinggi-tinggi.

Syafiqah	Begitu. Melalui pengalaman akak? Apakah cabaran yang akak hadapi?
Nur Syafiqah	Disebabkan akak pelajar di sini sebelum ni, akak tiada masalah dalam mencari kerja tapi untuk dapat kerja diluar sana mungkin susah kerana tak semua syarikat menerima pekerja OKU seperti kami.
Syafiqah	Ok, terima kasih kak. Seterusnya, boleh akak kongsi semasa akak mencari pekerjaan apa agensi yang membantu akak?
Nur Syafiqah	PLPP yang mencari kami pekerjaan. Kadang-kadang terdapat agensi dan syarikat luar yang datang seperti syarikat SONY datang untuk <i>interview</i> kami bekerja. Kalau golongan OKU mungkin susah untuk mendapatkan agensi bantuan. Macam-
	macam prosedur kena buat.
Syafiqah	Oh, menarik. Akak, adakah setiap pekerjaan yang ditawarkan kepada orang kurang upaya, mereka akan tertarik?
Nur Syafiqah	Tak semua pekerjaan mampu menarik minat kami kerana kami melihatkan fasiliti terdahulu sebelum menerima sebarang pekerjaan. Fasiliti sangat penting untuk kami golongan OKU ni.
Syafiqah	Oh seterusnya, pada pandangan akak adakah majikan menjaga kebajikan akak seperti kesihatan dan bantuang kewangan?

Nur Syafiqah	Alhamdulillah, kebajikan kami terjaga. Makan minum, tempat tinggal juga dijaga. Andainya kami sakit, kami akan dihantar ke hospital.
Syafiqah	Alhamdulillah, soalan terakhir dari saya, apakah langkah seharusnya diambil oleh mana-mana pihak majikan untuk menambahbaik kemudahan khusus untuk golongan OKU?
Nur Syafiqah	Tentunya, tolong membaikpulih kemudahan lif dan tandas yang mana sangat diperlukan oleh kami golongan OKU. Bagi akak, pekara lain boleh diambil ringan. Untuk dua fasiliti ini diperlukan setiap syarikat untuk memudahkan pergerakan kami.
Syafiqah	Ok, baik kak terima kasih atas jawapan-jawapan yang diberikan serta kerjasama yang sangat baik. Semoga akak terus sihat dan bersemangat untuk ke tempat kerja.
Nur Syafiqah	In sha Allah, terima kasih.

#### RESPONDEN 4

**SYAZWIN** : Assalamualaikum kak. Boleh ya saya nak tanya beberapa soalan sikit.

**KAK FARIHAH** : Waalaikumussalam. Boleh je takde masalah.

**SYAZWIN** : Boleh saya tahu nama akak apa ya ?

**KAK FARIHAH** : Fariah. Fariah Binti Mohd Muslih

**SYAZWIN** : Okay kak Fariah. Umur akak berapa ya ?



**KAK FARIHAH** : 23 Tahun.

**SYAZWIN** : Kalau akak di sini, kerja sebagai apa ya ?

**KAK FARIHAH** : Tenaga pengajar pengurusan pejabat. SKM Tahap 2.

**SYAZWIN** : Ooh kalau SKM Tahap 2 ni macam level ke ?

**KAK FARIHAH** : Haah level 2.

**SYAZWIN** : Kalau tahap pendidikan akak sehingga tahap mana ?

**KAK FARIHAH** : Sama jugak macam tadi. Tahap SKM.

**SYAZWIN** : Oooh. Akak memang pelajar di sini la ye dulu ?

**KAK FARIHAH** : Haah pelajar di sini. Kemudian terus bekerja di sini juga.

**SYAZWIN** : Akak masih bujang atau sudah berkahwin ?

**KAK FARIHAH** : Haah akak masih bujang.

**SYAZWIN** : Jadi akak takde tanggungan apa-apa la kan ?

**KAK FARIHAH** : Haah takde.

**SYAZWIN** : Akak dah berapa lama belajar dan bekerja di sini ?

**KAK FARIHAH** : Dah hampir 4 tahun. Lepas belajar terus bekerja di sini.

**SYAZWIN** : Kalau berkaitan gaji, akak dibayar macam mana ?

**KAK FARIHAH** : Gaji dikira hari. Sehari RM54 dan kalau biasanya diberi sebulan sekali.

**SYAZWIN** : Akak dah kerja di sini berapa lama ?

**KAK FARIHAH** : Alhamdulillah dah hampir 2 tahun. Bulan 7 ni genap 2 tahun.

**SYAZWIN** : Akak di sini duduk dekat asrama ke ?

**KAK FARIHAH** : Haah akak duduk dekat asrama. Datang tempat kerja pun jalan sebab dekat kaki je sangat.

**SYAZWIN** : Agak-agak berapa lama masa yang diambil untuk akak jalan kaki ke tempat kerja ?

**KAK FARIHAH** : Tak lama pun. Seminit sahaja.

**SYAZWIN** apa-apa : Ooh dekat sangat tu. Jadi, kalau kat sini akak ada tak dapat bantuan

**KAK FARIHAH** : Ada. EPC iaitu Elaun Pekerja Cacat. Sebulan akak dapat RM 400. Itu

untuk pekerja cacat yang bekerja tapi kalau untuk yang masih belajar, mereka akan dapat RM 150 seorang.

**SYAZWIN** : Alhamdulillah kalau macam tu. Kalau bagi akak la kan, dekat asrama tu semua lengkap ke daripada segi fasiliti ?

**KAK FARIHAH** : Haah memang lengkap dan sangat memudahkan.

**SYAZWIN** : Saya nak tanya, macam mana pergaulan akak dengan rakan-rakan sekerja di sini ?

**KAK FARIHAH** : Alhamdulillah setakat ini memang baik dan tiada apa-apa masalah. Mereka pun sporting.

**SYAZWIN** : Kalau dalam persekitaran pekerjaan, akak akan bekerja dengan rakan yang kurang apaya dan sempurna ke ?

**KAK FARIHAH** : Haah campur.

**SYAZWIN** : Jadi, penerimaan mereka okay la ye ?

**KAK FARIHAH** : Haah mereka pun okay je layanan.

**SYAZWIN** : Bagaimana pula penerimaan masyarakat sekeliling bila tahu akak bekerja, apa mereka kata ?

**KAK FARIHAH** : Mereka tak kata apa-apa pun. Kadang-kadang ada masyarakat luar yang tengok kita lain macam tapi kita buat tak tahu je lah.

**SYAZWIN** : Kalau family akak pun okay ke ?

**KAK FARIHAH** : Mereka pun okay je. Diorang terima je saya kerja kat mana-mana pun asalkan ada penginapan yang dekat dengan tempat kerja.

**SYAZWIN** : Oooh betul la tu. Senang kalau dekat kan. Kalau pandangan akak, apakah faktor yang jadi cabaran paling utama untuk golongan OKU untuk dapatkan pekerjaan apa ?

**KAK FARIHAH** : Emm diorang kena ada usaha lah. Rajin-rajin tengok dekat online. Memang agak sukar sebab kadang-kadang tak semua orang boleh terima kita.

**SYAZWIN** : Kalau akak sendiri pun memang takde cabaran la semasa nak dapatkan pekerjaan ni ?

**KAK FARIHAH** : Kalau akak, akak memang ditawarkan untuk bekerja di sini.

**SYAZWIN** : Sepanjang bekerja ni akak memang takde terima cabaran apa-apa selain daripada pandangan negatif sesetengah orang ?

**KAK FARIHAH** : Haah memang takde. Semua okay je.

**SYAZWIN** : Daripada segi fasiliti kat sini pun baik dan lengkap ke ?

**KAK FARIHAH** : Haah memang okay dan lengkap semua ada.

**SYAZWIN** : Okay, pada pendapat anda kan, setiap pekerjaan yang ditawarkan kepada golongan OKU ni apa yang mampu menarik minat akak untuk bekerja ?

**KAK FARIHAH** : Kalau akak memang nak bekerja sebab minat kerja-kerja di ofis. Lagipun kalau duduk di rumah macam takde benda nak buat macam kosong je fikiran. Tu yang kita kena keluarkan apa yang kita belajar sebab rugi je belajar kalau tak ditonjolkan. Akak pun sangat bersyukur dapat kerja di sini.

**SYAZWIN** : Pada pandangan akak sekali lagi, macam mana majikan ni menjaga kebajikan golongan OKU di sini daripada segi kesihatan, elaun dan sebagainya ?

**KAK FARIHAH** : Emm kalau kat sini, majikan sentiasa menjaga dengan memberi segala kelengkapan. Asrama dan makanan juga disediakan dan banyak juga kemudahan yang ditambahbaik.

**SYAZWIN** : Terakhir sekali nak tanya akak, apa langkah yang boleh diambil oleh pihak majikan untuk menambahbaik kemudahan untuk golongan OKU ni ? Ada tak lagi akak rasa benda yang perlu diperbaiki ?

**KAK FARIHAH** : Rasanya ada kot. Kena tambah lagi lif sebab kadang-kadang lif selalu rosak.

**SYAZWIN** : Baik in shaa Allah semoga penambahbaikan tu dapat dilakukan oleh pihak majikan. Terima kasih kak sebab sudi bantu saya untuk sesi temu ramah ni.